

| | | | |
|-------------|------------------------------|------------|-----------|
| Headline | Projek LSS mula salur tenaga | | |
| MediaTitle | Berita Harian | | |
| Date | 31 Oct 2018 | Language | Malay |
| Circulation | 69,985 | Readership | 209,955 |
| Section | Bisnes | Page No | 57 |
| ArticleSize | 363 cm ² | Journalist | Mohd Zaky |
| PR Value | RM 37,395 | | |



Projek LSS mula salur tenaga

➔ Loji solar mampu jana kapasiti penuh 50 megawatt sebelum akhir tahun

Oleh Mohd Zaky Zainuddin
zaky@nstp.com.my

Projek tenaga solar berskala besar (LSS) Tenaga Nasional Bhd (TNB) di Mukim Tanjung 12, Kuala Langat, Selangor mencapai tarikh operasi awal (IOD) dengan tenaga pertama yang dijana dihantar ke Grid Nasional minggu lalu.

TNB dalam satu kenyataan berkata, menerusi perkembangan positif loji solar berkenaan, ia mampu menjana kapasiti penuh 50 megawatt (MW) sebelum akhir tahun.

“Loji dengan 230,000 panel solar dan gentian kabel optik sepanjang 10 kilometer (km) dengan kuasa 132kV adalah projek LSS pertama terbesar Malaysia setakat ini,” katanya.

Projek LSS yang dimulakan pada Julai tahun lalu itu dibangunkan anak syarikat TNB, iaitu TNB Sepang Solar di atas



Projek solar berskala besar TNB di Kuala Langat.

tanah berkeluasan 98 hektar di Kuala Langat.

Komitmen TNB

TNB Engineering Corporation Sdn Bhd pula adalah rakan kongsi kejuruteraan, perolehan dan pembinaan (EPC) bagi projek itu.

TNB berkata, projek LSS itu menjadi bukti aspirasi dan

komitmennya ke arah pertumbuhan tenaga boleh diperbaharui (RE) di Malaysia.

“Ia juga menterjemahkan kompetensi dan kepakaran TNB dalam RE serta memiliki reputasi sebagai pemaju projek kuasa,” katanya.

Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim menetapkan

sasaran bahawa 20 peratus daripada tenaga elektrik negara akan dijana menerusi sumber boleh diperbaharui menjelang tahun 2030.

Kira-kira 53 peratus janaan kuasa di Semenanjung adalah daripada arang batu, manakala 42 peratus daripada gas asli dan lima peratus adalah hidro dan bentuk RE.